



# Muhammad Hafiz

Dilahirkan  
Usus Terkeluar

Oleh: Khairun Nisa Idrak Foto: Mena Halim Wang

Menginjak usia 10 bulan berpikaran, gembiranya wanita ini tidak terluah dengan kata-kata apabila disarkan hamil. Namun rasa teruja bertukar gusar selepas mengesan 'sesuatu' ketika ujian imbasan dilakukan ketika usia kandungan mencecah enam bulan.

**B**elum sempat mencanai bahawa menyambut kehadiran cahaya mata pertama, Siti Zubaidah Ramli dan Zuharman Che Soh terpaksa melalui episod cemas ketika kehamilan berusia enam bulan. Peluang bertentang mata dengan pasangan ini di kediaman mereka di Petaling Jaya, Selangor digunakan sebaiknya. Dan saat pandangan mata tertancap pada susuk tubuh si kecil, rasa simpati mula menyelubungi.

Membuka cerita kami pagi itu, Siti Zubaidah memberitahu anak mereka, Muhammad Hafiz Zuharman, baharu keluar daripada hospital selepas sembilan bulan berumah tangga di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) dan wad di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Enam bulan Hafiz ditahan di PICU dan selepas itu dipindahkan ke wad pula. Alhamdulillah, saya bersyukur sangat-

sangat kerana keadaan dia sekarang bertambah baik. Cuma, dia perlu penjagaan yang rapi," kongsi wanita berusia 33 tahun ini.

## Mengharapkan keajaiban

Disahkan mengidap penyakit Large Omphalocele sehingga menyebabkan usus sebesar kepala terkeluar, ujian buat anak kecil ini bukan calang-calang. Kita yang dewasa ini pun sudah terkesan seakan tidak mampu menanggungnya, apatah lagi anak kecil ini. Air mata sudah menjadi peneman setia pasangan suami isteri ini. Menurut Siti Zubaidah, dia dan suami masih mengharapkan keajaiban berlaku selepas bayi mereka dilahirkan.

"Mulanya saya mahu membuat ujian

imbasan di klinik swasta kerana kami ingin tahu jantina bayi. Namun, doktor di klinik memberitahu bahawa bayi saya mempunyai masalah usus. Saya terus diminta merujuk kepada PPUM bagi tindakan lanjut. Sejak itu, kesemua pemeriksaan kehamilan sehingga melahirkan anak menerusi pembedahan dilakukan PPUM.

"Jujurnya sebelum bayi keluar, saya tidak putus-putus berdoa masalah usus yang diberitahu oleh doktor tidak benar. Saya berharap anak saya dilahirkan nanti sihat dan normal. Namun, takdir Allah itu mengatasi segalanya. Anak saya lahir dengan keadaan usus dia terkeluar dan lebih besar daripada badannya.

"Doktor tidak barkan saya melihat anak selepas dia dilahirkan. Hanya, suami yang dibenarkan untuk melihat anak saya. Bila suami beritahu tentang

"Hafiz pernah mengalami masalah saluran jantung sempit dan sudah menjalani pembedahan. Sekarang ini, selain masalah usus yang terkeluar, Hafiz bergantung kepada mesin oksigen yang dikenali sebagai C-PAP 24 jam sehari. Tetapi ada ketikanya kami membiarkan dia cuba bernafas sendiri walaupun dia tidak mampu bertahan lama tanpa mesin oksigen. Hafiz perlukan penjagaan rapi kerana paru-paru dia sudah terjejas," beritahu Siti Zubaidah.

Dengan berat terkini 8.9kg, meski dengan keadaan usus terkeluar, anak kecil ini sudah mula aktif dan memberi reaksi bila diagah.

"Mujurlah dia tidak usik ususnya. Seolah-olah mengerti bahawa adalah lebih baik untuk tidak memperdulikannya. Reaksinya juga seperti dia tiada apa-apa masalah kesihatan. Hafiz juga beri reaksi

penjagaan sempurna. Zuharman nekad berhenti kerja.

"Saya terpaksa berhenti kerja di kilang elektronik. Ini kerana adalah lebih mudah untuk saya menaja Hafiz dan bergegas ke hospital sekiranya ada kecemasan. Maklum sahaja, Hafiz perlu bernafas menggunakan mesin dan tong yang perlu dibawa bukannya ringan. Jadi, lebih baik saya yang menjaga Hafiz sementara isteri bekerja," ujar Zuharman.

Dengan pendapatan sebagai kerani di hospital swasta, Siti Zubaidah bersyukur kerana menerima bantuan daripada Pusat Zakat Selangor yang menyelesaikan bil hospital sebanyak RM 15,000.

"Selain itu keperluan kos penjagaan dan alat yang tinggi seperti tiub, suction, set dressing dan susu khas untuk keperluan Hafiz. Bantuan daripada

**Doktor memberi masa kepada Hafiz sehingga usianya tiga tahun. Ketika itu setelah agak besar dan terdapat ruang di dalam perut, usus itu akan masuk sendiri.**

keadaan anak, saya sudah tidak keruan. Keesokan harinya barulah saya dibenarkan untuk melihat anak saya. Saya diberitahu, usus anak masih boleh berfungsi cuma ia berada di luar badan," luah Siti Zubaidah.

## Tertekan

Meski ketentuan itu tidak boleh diubah, akui wanita ini dia sangat tertekan pada ketika itu.

"Memang masa mula-mula itu macam-macam perasaan yang timbul. Kami suami isteri berasa sangat sedih dan kecewa. Tambahan pula, Hafiz adalah anak sulung kami. Dalam masa yang sama juga, Hafiz pernah kena jaundis (kuning) dan bacaannya melebihi 300.

"Keadaan Hafiz seolah-olah tiada harapan untuk pulih. Tetapi kami terus menerima sokongan daripada kedua belah pihak baik keluarga mentua dan keluarga sendiri. Kawan-kawan banyak memberi semangat dan kami positif dan teruskan bersabar," ungkap Siti Zubaidah.

Hari demi hari dilalui dan pelbagai dugaan menimpa keluarga kecil ini. Namun semangat kental dan enggan menyerah kalah ternyata mengatasi segalanya.


bila namanya dipanggil namun dia dia berhadapan dengan masalah suara.

Menurut doktor, terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan peti suara Hafiz terjejas iaitu semasa dia intubated atau ketika melakukan pembedahan jantung.

"Hafiz sedang dalam rawatan untuk masalah tersebut. Selain itu, dia hanya boleh minum susu menggunakan tiub yang dipasang ke bahagian hidungnya. Doktor memberi masa kepada Hafiz sehingga usianya tiga tahun. Ketika itu setelah agak besar dan terdapat ruang di dalam perut, usus itu akan masuk sendiri. Jadi sekarang ini, kami suami isteri perlu peka dan berhati-hati agar ususnya tidak luka di samping selalu memantau perkembangan paru-parunya.

## Berhenti Kerja

Setia mememani di sisi, pengorbanan suami bukan sedikit. Demi memastikan putera sulung mereka itu mendapat



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 sebulan sedikit sebanyak mengurangkan beban kami.

"Saya yakin pada rezeki dan kalau nak ikutilah gaji, memang kewangan agak ikutilah namun saya bersyukur kerana banyak pihak memberikan sokongan.

"Keluarga dan kawan-kawan selalu beri semangat. Mereka yakinkan kami bahawa Hafiz akan sembuh suatu hari nanti. Harapan saya supaya Hafiz sihat seperti anak normal yang lain," kongsi Siti Zubaidah di akhir cerita. k

## Keluarga Prihatin:

Bagi yang ingin memberi bantuan, bolehlah salurkan bantuan anda kepada adik Muhammad Hafiz menerusi akaun CIMB 7616249251 atas nama Zuharman Che Soh.

Children - General

CTR NO: 0800 275009

pg: 98-99